

فرتوبوهن خيرات كماتيان تامن مليوار

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN TAMAN MELEWAR KUALA LUMPUR
(PKKTM)
(NO PERTUBUHAN: PPM-006-14-21081984)

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 42/2026

Tarikh	-	17hb April 2026 <i>bersamaan</i> 29 Syawal 1447
Masa	-	Selepas Solat Maghrib
Tempat	-	Dewan Solat Surau Al Tarbiyah Al Islamiyah, Taman Melewar
Jumlah Ahli Semasa	-	796 Orang
Jumlah Ahli Yang Hadir	-	61 Orang
Senarai Kehadiran	-	Seperti di <i>Lampiran B</i>

AGENDA 1 – UCAPAN ALUAN Pengerusi

- 1.1. Mesyuarat dipengerusikan oleh NYDP Tn Hj Md Yon bin Sapon kerana YDP tidak dapat hadir kerana uzur.
- 1.2. Pengerusi mempersilakan Tuan Imam Haji Sabri Bin Mohd Amin membacakan doa.
- 1.3. Pengerusi mengucapkan berbanyak terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli PKKTM dalam Mesyuarat Agung kali 42 ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan AJK Surau Al-Tarbiah Al-Islamiah Taman Melewar kerana memberikan kerjasama dan kebenaran PKKTM menggunakan ruang solat ini.
- 1.4. Beliau membacakan ucapan dari YDP. (Teks ucapan penuh YDP di Lampiran A)

AGENDA 2 – MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 41/2025

- 2.1. Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 41/2025 yang telah diadakan pada 14hb Februari 2025.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju mengesahkan minit tersebut.

Dicadang oleh: En Nur Azmi bin Ramli (F1007)

Disokong oleh: Tn Hj Musa bin Ismail (B106)

AGENDA 3 – MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN TAHUNAN 2025

- 3.1. Setiausaha membentangkan Laporan Tahun 2025 untuk makluman ahli.
- 3.2. SU menerangkan bahawa Projek Pembinaan Bangunan Pejabat dan Bilik Mesyuarat yang dimulakan pada Disember 2024 telah siap sepenuhnya pada Mac 2025 dengan kos keseluruhan RM105,800.00. Pada April 2025 dimulakan pula projek pembinaan Bilik Jenazah yang merupakan sambungan kepada Bilik Menunggu Waris dengan kos RM34,587.00 dan projek Laluan Alternatif Van

Jenazah bernilai RM14,500.00. Dengan inisiatif YDP dan NYDP, PKKTM telah mendapat sumbangan dari Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Keseluruhan kos pembinaan Bilik Jenazah telah dibiayai oleh sumbangan Bahagian Manafaat Wakaf MAIWP dan RM10,000 bagi kos Laluan Alternatif Van Jenazah dibiayai oleh sumbangan Unit NonProfit Organization MAIWP. Kos selebihnya dibiayai dari sumbangan ahli dan orang ramai.

3.3. **PERINGATAN PENTING UNTUK SEMUA AHLI:**

Setiausaha mengingatkan ahli-ahli untuk:

1. Membayar yuran tahun semasa dengan segera. Jangan membiarkan yuran tertunggak melebihi 2 tahun. **Ahli yang yuran tertunggak 2 tahun berturut-turut akan terlucut keahlian dengan sendirinya dan tidak lagi berhak menuntut bantuan khairat (Fasal 4.7 Perlembagaan PKKTM).** Bayaran boleh dibuat melalui dalam talian kepada akaun Pertubuhan Khairat Kematian Taman Melewar 12225010001627 (Bank Islam Malaysia Berhad) dan salinan transaksinya dihantar kepada Bendahari PKKTM di talian **019-3514568**

2. **MENGEMASKINI butiran ahli iaitu alamat dan nombor telefon terkini serta tanggungan JIKA ADA TAMBAHAN AHLI KELUARGA.**

*Jika didapati **TANGGUNGAN YANG MENINGGAL ITU TIDAK BERDAFTAR** dalam rekod PKKTM, maka **TIADA BANTUAN KHAIRAT** akan dikeluarkan dan **ahli perlu menanggung semua kos urusan jenazah (Fasal 7.2 Perlembagaan PKKTM).** Borang kemaskini dalam laman web - <https://pkktm.ezsites.net/public>.*

3. **Anak-anak ahli yang telah didaftarkan sebelum ini sebagai tanggungan dan telah berumur melebihi 21 tahun dengan sendirinya terbatal dari menjadi tanggungan ahli dan tidak layak untuk mendapat bantuan khairat **KECUALI** anak-anak yang masih belajar di pusat pengajian tinggi awam/swasta dan anak-anak perempuan yang masih belum berkahwin. (Fasal 7.2 Perlembagaan PKKTM).** Mereka yang sudah tidak layak menjadi tanggungan itu boleh mendaftar menjadi ahli. Borang permohonan menjadi ahli boleh didapati dalam laman web - <https://pkktm.ezsites.net/public>.

4. **Semua makluman terbaharu PKKTM boleh disemak di laman web yang sama.**

5. Sebarang pertanyaan tentang keahlian, sila hubungi Setiausaha di talian **019 - 2627238**. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah juga dihantar kepada Setiausaha melalui nombor tersebut atau melalui email khairatmk@gmail.com.

3.4. Senarai Ahli Jawatankuasa Kerja Sesi 2024-2026 yang dipilih mengikut Fasal 9.1 Perlembagaan PKKTM pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke 40 (8/3/2024).

1. Yang DiPertua : Tn Hj Ustaz Omar bin Mehat
2. Naib Yang DiPertua : Tn Hj Md Yon bin Sapon
3. Setiausaha : Tg Khairafif bin Tg Dir (PP Zon L*)
4. Penolong Setiausaha : Tn Hj Mohd Hilmin bin Mohd Yusof (PP Zon E*)
5. Bendahari : Tn Hj Mohd Ihwan bin Sudim @ Hj. Basri
6. Tn Hj Zainal Abidin bin Yob Othman (Peg. Penyelaras Urusan Jenazah)
7. Tn Hj Engku Abas bin Omar (Peg Perhubungan Zon A)
8. Tn Hj Houd bin Hj Hassan (Peg Perhubungan Zon B)

9. Tn Hj Md Arshad bin Hj Abu Bakar (Peg Perhubungan Zon C)
10. En Abdul Razak bin Abdul Mutalib (Peg Perhubungan Zon D)
11. En Mohamad Shohaimi bin Shaari (Peg Perhubungan Zon F)
12. En Jamaluddin bin Jaafar (Peg Perhubungan Zon G)
13. Tn Hj Megat Nor Hashim bin Megat N Ibrahim (Peg Perhubungan Zon H)
14. Tn Hj Sa'aya bin Nawawi (Peg Perhubungan Zon I)
15. En Mohd Khairi bin Din (Peg Perhubungan Zon J)
16. Tn Hj Zainuddin bin Zakaria (Peg Perhubungan Zon K)
17. Tn Hj Mohamad Azhar bin Mohamad Hamidi (Peg Perhubungan Zon M)

*Nota: * Pegawai Perhubungan (PP)*

Juruaudit:

1. YBhg Dato' Hj Muslim bin Yusof
2. Tn Hj Ahmad Ilham bin Hj Abd Samad

Pengamanah:

1. Tn Hj Musa bin Ismail
2. Tn Hj Mohd Ariff bin Taib
3. Tn Hj Roslan bin Hassan

3.5. Senarai Petugas Khas yang dilantik bagi menguruskan kematian:

1. Penyelaras Pengurusan Jenazah:

Ketua: Tn Hj Zainal Abidin bin Yob Othman

Penolong: En Mohamad Shohaimi bin Shaari

2. Imam Solat Jenazah:

Tuan Imam Hj Sabri bin Mohd Amin

3. Pemandu Van Jenazah:

- | | |
|---------------------------------------|-----------------------------|
| 1. En Mohamad Shohaimi bin Shaari | 3. En Mohd Khairi bin Din |
| 2. Tn Hj Zainal Abidin bin Yob Othman | 4. Tg Khiafariff bin Tg Dir |

4. Pemandi Jenazah Lelaki:

- | | |
|-------------------------------------|-----------------------------|
| 1. En Mohamad Shohaimi bin Shaari | 5. Tn Hj Zamri bin Ramli |
| 2. Tn Hj Sa'aya bin Nawawi | 6. Tg Khiafariff bin Tg Dir |
| 3. Tn Hj Mohd Hilmin bin Mohd Yusof | 7. En Mohd Khairi bin Din |
| 4. Tn Hj Zainuddin bin Zakaria | |

5. Pemandi Jenazah Wanita:

- | | |
|----------------------------------|------------------------------|
| 1. Datin Hjh Fatimah binti Sidek | 4. Hjh Raja'ah binti Mat Noh |
| 2. Hjh Norsham binti Abu Hassan | 5. Pn Masyani binti Lokman |
| 3. Hjh Zabedah binti Othman | |

3.6. 4 kali Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja (MAJK) telah diadakan pada tahun 2025.

3.7. Laporan Keahlian 2025:

- | | |
|---|------|
| 1. Ahli baharu 2025 | 19 |
| 2. Ahli diterima semula 2025 | 2 |
| 3. Ahli dibatalkan dan dilucutkan keahlian 2025 | 44 |
| 4. Jumlah ahli aktif sehingga 31/12/2025 | 796 |
| 5. Jumlah ahli batal sehingga 31/12/2025 | 415 |
| 6. Nombor pendaftaran sehingga 31/12/2025 | 1211 |

Rajah 1: Jumlah ahli PKKTM mengikut Zon pada 31/12/2025.

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	JUMLAH
62	46	43	79	54	67	92	25	87	64	59	70	48	796

- 3.8. Terdapat 2 orang ahli yang telah dilucutkan keahlian (Fasal 4.7) kerana tidak membayar yuran tahun 2023 & 2024 telah memohon menyambung keahlian mereka dengan membayar semua yuran tertunggak dan diluluskan pada MAJK 2/2025.
- 3.9. 60 orang ahli telah dibatalkan dan dilucutkan keahlian mengikut Perlembagaan PKKTM pada tahun 2025:
- | | |
|--|----|
| Fasal 4.4 (kematian ahli) | 9 |
| Fasal 4.6 (menarik diri) | 7 |
| Fasal 4.7 (gagal melunaskan yuran 2024 & 2025) | 44 |
- 3.10. Laporan Kematian 2025:
26 kematian didaftarkan kepada PKKTM.

Rajah 2: Kematian yang didaftarkan kepada PPTMKL dalam tahun 2025.

DIURUSKAN SEPENUHNYA OLEH PKKTM				26
AHLI	TANGGUNGAN	BUKAN AHLI	JUMLAH	
9	4	3	16	
DIURUSKAN SEPENUHNYA/SEBAHAGIANNYA OLEH KELUARGA (#nota)				
AHLI	TANGGUNGAN	BUKAN AHLI	JUMLAH	
2	6	2	10	

#nota:

Sepenuhnya: Waris menguruskan sendiri urusan jenazah ahli/tanggungan dari awal hingga akhir dan membuat tuntutan bantuan khairat selepas urusan tersebut selesai.

Sebahagiannya: Waris meminta PKKTM untuk membantu menguruskan sebahagian urusan jenazah dan kosnya akan di ambil dari bantuan khairat.

Bukan Ahli: Waris akan membayar kos pengurusan jenazah kepada PKKTM mengikut keperluan.

- 3.11. 3 orang balu telah mengambil alih keahlian suami masing-masing yang meninggal dunia.
- 3.12. Menjawab pertanyaan Dato' Saadon bin Hj Othman (M458), Pengerusi menerangkan dalam Fasal 4.8 menyatakan bahawa keahlian yang terbatal kerana Fasal 4.7 boleh diterima semula sekiranya ahli tersebut membayar semua yuran yang tertunggak dan kemudiannya mendapat kelulusan 2/3 Ahli Jawatankuasa Kerja. Mereka akan menggunakan nombor ahli yang asal.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju mengesahkan laporan tersebut.

Dicadang oleh: Tn Hj Mohd Yazid bin Ahmad (I455)

Disokong oleh: Tn Hj Musa bin Ismail (B106)

AGENDA 4 – MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN DAN KUNCI KIRA-KIRA BAGI PENGGAL 01 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2025

- 4.1. Tuan Bendahari membentangkan Penyata Kewangan dan Kunci Kira-Kira mulai 01 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025. Ringkasnya seperti berikut:

Baki dalam bank dan Wang Tunai 1/1/2025	RM 41,028.26
Jumlah pendapatan	RM 106,973.04
Jumlah perbelanjaan	RM 78,356.93
Baki Dalam Bank dan Wang Tunai 31/12/2025	RM 19,714.33
Aset tetap	RM 377,244.24
Aset semasa	RM 101,514.33

- 4.2. Pada pertanyaan Tn Hj Musa bin Ismail (B106) tentang pendapatan dari penggunaan van jenazah, Tn Pengerusi menyatakan ianya ditolak dari Wang Bantuan Khairat apabila van jenazah digunakan sewaktu urusan kematian ahli dan tanggungannya. Untuk penghantaran jenazah keluar kawasan, ahli/waris akan dikenakan bayaran mengikut jarak pergi dan balik.

Keputusan:

Mesyuarat mengambil keputusan bersetuju meluluskan Penyata Kewangan dan Kunci Kira-Kira mulai 01 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

Dicadang oleh: Tn Hj Mohamed Kasim bin S Abd Rahman (I282)

Disokong oleh: Tn Hj Yusoff bin Ahmad (J132)

AGENDA 5 – USUL

- 5.1. Pengerusi menyatakan terdapat 1 usul yang diterima dan meminta pengusulnya, Tn. Hj. Ahmad Ilham bin Hj. Abdul Samad (J284) menerangkan kepada mesyuarat.

5.2. Usul: Tambahan kepada Fasal 7 – Bantuan Kewangan

1. Beliau menerangkan bahawa terdapat kes ahli/waris datang untuk menuntut bantuan khairat bagi ahli/tanggungannya yang telah bertahun-tahun meninggal dunia. Perlembagaan PKKTM tidak menetapkan tempoh masa bagi ahli membuat tuntutan. Oleh itu adalah perlu untuk diberikan tempoh dari tarikh kematian ahli/tanggungannya bagi waris membuat tuntutan.

2. Tujuan pindaan adalah untuk memudahkan urusan pentadbiran dan kewangan PKKTM dan mengelakkan salah laku oleh AJK yang bertanggung jawab.

3. Beliau mencadangkan tempoh 100 hari dari tarikh kematian diberikan kepada waris untuk membuat tuntutan tersebut dan tuntutan yang dibuat selepas waktu tersebut tidak diterima.

- 5.3. Pengerusi menerangkan tempoh yang dicadangkan tersebut berdasarkan kepada tempoh pengambil alih keahlian oleh suami/isteri yang kematian ahli dalam perlembagaan PKKTM.

- 5.4. Timbalan Setiausaha menerangkan bahawa beliau telah menghubungi ROS tentang perkara ini. ROS menyatakan, oleh kerana tidak dinyatakan dalam perlembagaan maka ianya adalah dibawah bidang kuasa AJK untuk buat keputusan membayarnya atau tidak. Adalah lebih baik dimasukkan didalam perlembagaan untuk mengelakkan salah faham dan kekeliruan.

- 5.5. Tn Hj Houd bin Hj Hassan (B 325) bersetuju dengan cadangan tersebut tetapi tempoh perlu dipanjangkan ke 180 hari.

- 5.6. Tn Hj Engku Abas bin Omar (A139) berpendapat tempoh 100 hari terlalu cepat memandangkan tempoh edah adalah 4 bulan 10 hari dan bersetuju dengan tempoh yang dicadangkan oleh Tn Hj Houd bin Hj Hassan (B 325).
- 5.7. Pengerusi mencadangkan diadakan undian untuk menerima atau menolak usul tersebut.

Keputusan:

Mesyuarat menerima dan meluluskan usul tersebut selepas mengadakan pengundian dengan suara majoriti tetapi dibuat pindaan kepada tempoh masa tuntutan boleh dibuat dari 100 hari kepada 180 hari.

AGENDA 6 – HAL-HAL LAIN

Tiada

PENANGGUHAN MESYUARAT


Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada pukul 9.15 malam dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir.

Disediakan oleh :



TG KHIARAFIF BIN TG DIR
Setiausaha
Pertubuhan Khairat Kematian
Taman Melewar Kuala Lumpur
Tarikh : 22 APR 2026

Disemak oleh :



HJ MD YON BIN SAPON
Naib Yang Dipertua (Pengerusi)
Pertubuhan Khairat Kematian
Taman Melewar Kuala Lumpur
Tarikh : 22 APR 2026

Ucapan Aluan YDP – MAT Ke42 PKKTM

Assalamuallaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Izinkan saya memulakan majlis ini dengan menyampaikan salam hormat dan ucapan Selamat Hari Raya, dari YDP, Us Hj Omar bin Mehat. Beliau meminta maaf kerana tidak dapat hadir atas sebab keuzuran kesihatan. Beliau mohon mesyuarat ini membenarkan saya selaku NYDP, mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan PKKTM ke-42 ini.

Bismillahi Rahmani Rahim

2. Marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Ilahi, kerana dengan limpah kurniaNYA telah memberikan kita kesihatan, kesempatan dan masa, untuk berkumpul dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Pertubuhan Khairat Kematian Taman Melewar, kali ke-42 pada malam ini.

3. Alhamdulillah, diam tak diam sudah 42 tahun PKKTM ini ujud. Bermula dengan hanya 22 orang ahli penaja, dan setelah 42 tahun, keahlian PKKTM telah meningkat sahingga 796 orang. Ribuan terima kasih diucapkan kepada ahli-ahli tegar PKKTM dan keluarga, yang sentiasa memberi sokongan, yang membolehkan AJK PKKTM menjalankan tugas sebaik mungkin.

4. Mengimbau kembali semasa PKKTM mula-mula diwujudkan, kerja-kerja pengurusan jenazah dilakukan dirumah simati masing-masing. Kemudian ditambah baik dengan menggunakan tempat mandi jenazah beroda yang disorong dari rumah ke rumah apabila berlaku sesuatu kematian. Diawal tahun 90an, setelah mendapat izin dan kerjasama Pengerusi dan AJK Surau, urusan jenazah berpindah keruang mengambil wuduk Surau, yang pada masa itu hanya menggunakan pembidai untuk dijadikan kepungan.

5. Pada tahun 2017 PKKTM dapat mendirikan Bangunan Pengurusan Jenazah sendiri yang siap di bina dan mula digunakan pada Disember 2017. Tidak terhenti disitu, PKKTM juga dapat menyediakan sebuah Van Jenazah sendiri pada tahun berikutnya.

6. Apabila Surau memutuskan untuk menurunkan Ruang Solat Utama ke tingkat bawah, kami maklum bahawa ruang Bilik Pejabat yang dipinjamkan kepada kami yang berada ditingkat bawah perlu dikosongkan dan diserahkan balik kepada pengurusan Surau.

7. Sehubungan dengan itu, pada 2024, PKKTM telah berusaha mengutip derma dan berjaya mendirikan sebuah lagi bangunan bagi menempatkan Bilik Pejabat, Bilik Mesyuarat dan sebuah Setor. Kerja pembinaan dimulakan pada Oktober 2024 dan siap pada Mac 2025.

8. Pada tahun sama, PKKTM juga telah menyediakan Bilik Jenazah, iaitu sambungan kepada Bilik Menunggu Waris, dan membina Laluan Alternatif Van Jenazah. Laluan Alternatif ini dibina mengambil kira kemungkinan akan adanya gangguan dan halangan kepada laluan keluar masuk Van Jenazah, semasa kerja-kerja penjajaran surau dijalankan nanti.

9. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, dan Puan-Puan, infra struktur yang disediakan bukan sahaja akan memudahkan AJK menjalankan tugas pentadbiran harian dan kerja-kerja urusan jenazah dengan lebih baik dan teratur, tetapi juga dapat memberi keselesaan dan ketenangan kepada ahli-ahli keluarga, waris-waris simati dan sahabat handai yang datang berziarah,

10. Bagi mengenang jasabaik penderma-penderma, kami mengambil kesempatan ini, mengucapkan jutaan terima kasih, kepada ahli-ahli PKKTM, kepada masyarakat Taman Melewar dan sekitarnya, para dermawan, dan tidak lupa, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MAIWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI), yang telah banyak memberi sokongan dan menghulurkan derma bagi merealisasikan hasrat dan inspirasi ahli-ahli PKKTM. Semoga Allah membalas jasa baik kalian.

11. Terima kasih juga kepada Hamba Allah yang selama ini membayar bil Elektrik TNB dan bil Air PKKTM, setiap bulan.

12. Akhir kata, kami ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang sudi melapangkan masa untuk hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan PKKTM ke-42 ini.

13. Terima kasih, Pengerusi dan AJK Surau Al-Tarbiah Al-Islamiah yang membenarkan kita menggunakan ruang solat utama ini.

14. Dan tidak lupa, terima kasih barisan AJK PKKTM yang telah berusaha mejayakan mesyuarat ini.

15. Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamuallaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat Hari Raya, maaf zahir batin.

Hj Md Yon bin Sapon

Naib Yang Dipertua

PKKTM

17 April 2026

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG KE 42 PADA 17 / 04 / 2026

Senarai Kehadiran Ahli Jawatan Kuasa Kerja

BIL	NAMA	NO. AHLI	JAWATAN	ALAMAT
1.	Tn. Hj. Md Yon bin Sapon	J 223	Naib Yang DiPertua	21, Jalan Marmar 2
2.	YM Tg Khirafif bin Tg Dir	I 316	Setiausaha / PP Zon L	126, Jalan Marmar 1
3.	Tn. Hj. Mohd Hilmin bin Mohd Yusof	E 250	Penolong Setiausaha / PP Zon E	55, Jalan Batu Geliga 2
4.	Tn. Hj. Mohd Ihwan bin Sudim	A 748	Bendahari	20, Jalan Amzil
5.	Tn. Hj. Zainal Abidin bin Yob Othman	D 861	AJK / PPUJ	129, Jalan Batu Geliga
6.	Tn. Hj. Engku Abas bin Omar	A 139	AJK / PP Zon A	44, Jalan Amzil
7.	Tn. Hj. Houd bin Hj. Hassan	B 325	AJK / PP Zon B	32, Jln. 1/7, Tmn. Changkat Desa
8.	Tn. Hj. Md Arshad bin Abu Bakar	C 385	AJK / PP Zon C	Lot 428-N, Jalan Batu Geliga
9.	En. Abdul Razak bin Abdul Mutalib	I 214	AJK / PP Zon D	14, Jalan Marmar 1
10.	En. Mohd Shohaimi bin Shaari	F 217	AJK / PP Zon F	Lot 536-3C, Jalan Marmar
11.	En. Jamaludin bin Jaafar	G 521	AJK / PP Zon G	129, Jalan Batu Geliga
12.	Tn. Hj. Megat Nor Hashim bin Megat N Ibrahim	H 337	AJK / PP Zon H	12, Lrg. Bt Geliga 1, Tmn. Melewar Indah
13.	Tn. Hj. Sa'aya bin Nawawi	I 442	AJK / PP Zon I	128, Jalan Marmar 1
14.	En. Mohd Khairi bin Din	J 784	AJK / PP Zon J	23, Jalan Marmar 2
15.	Tn. Hj. Zainuddin bin Zakaria	K 137	AJK / PP Zon K	32, Jalan Marmar 3
16.	Tn. Hj. Mohamad Azhar bin Mohamad Hamidi	M 520	AJK / PP Zon M	15, Jalan Ubin

PP – PEGAWAI PERHUBUNGAN

PPUJ – PEGAWAI PENYELARAS URUSAN JENAZAH

Senarai Kehadiran Ahli

BIL	NAMA	ZON	NO. AHLI	ALAMAT
1	En. Kamarulzaman bin Abu Bakar	A	412	29, Jalan Amzil
2	Hj. Yahya bin Ayob	A	470	31, Jalan Amzil
3	Hj. Nasaruddin bin Mohamed Salleh	A	569	30, Jalan Amzil
4	Hj. Affandi bin Ahmad	A	589	23, Jalan Amzil
5	Hj. Abdul Malik Alahmadi bin Mustaffa	A	799	8, Jalan Amzil

6	Hj. Ahmad Ismail bin Mohd Sharif	B	98	2, Jalan 4/7, Tmn. Changkat Desa
7	Hj. Musa bin Ismail	B	106	23, Jln. 4/7, Tmn. Melewar Fasa 2
8	Hj. Sabri bin Mohd Amin	B	147	25, Jalan 5/7, Tmn. Changkat Desa
9	En. Khairul Azhar bin Hj. Itam	B	1137	SD 32, Jln. Amzil, Tmn. Routhier
10	Hj. Bahri bin Ahmad	C	112	2811-12, Lrg. Changkat Permai
11	En. Ab. Razak bin Ab. Latif	D	807	123, Jalan Batu Geliga
12	En. Mohd Rostam bin Mohamed	D	1158	141, Jalan Batu Geliga
13	Hj. Tajuddin bin Ismail	E	197	58, Jalan Batu Geliga 2
14	En. Mohd Saad bin Kamarudin	E	444	4, Jalan Batu Geliga 1
15	Hj. Abd. Rahman bin Mohamad	F	74	14, Jalan Pejal
16	YBhg. Dato' Hj. Muslim bin Yusof	F	257	24, Jalan Pejal
17	Hjh. Salasiah binti Ngah Kasim	F	490	22, Jalan Kerikil
18	Hj. Mohd Amri bin Zakaria	F	759	1, Jalan Batu Geliga 3
19	En. Nur Azmi bin Ramli	F	1007	8, jalan Pejal
20	En. Mustafa Maarof bin Abdul Aziz	F	1072	26, Jalan Kerikil
21	En. Anuar bin Agus	G	912	Lot 536-3C, Jalan Marmar
22	Hj. Zahari bin Saad	H	216	27, Lrg. Batu Geliga 2, Tmn Melewar Indah
23	Hj. Mohd Ramli bin Hamzah	I	239	25, Jalan Marmar 1
24	Hj. Halim bin Osman	I	260	30, Jalan Marmar 1
25	Hj. Mohamed Kasim bin S Abd Rahman	I	282	64, Jalan Marmar 1
26	Hj. Mohd Yazid bin Ahmad	I	455	74, Jalan Marmar 1
27	Hjh. Habsah binti Osman	I	816	74, Jalan Marmar 1
29	En. Admi bin Hj. Sulong	I	849	46, Jalan Marmar 1
29	En. Mohd Yusof bin Rahmat	I	728	98, Jalan Marmar 1
30	En. Azahar bin Abd Razab	I	762	81, Jalan Marmar 1
31	Hj. Yusof bin Ahmad	J	132	6, Jalan Marmar 2
32	Hj. Ahmad Ilham bin Hj. Abd Samad	J	284	24, Jalan Marmar 2
33	Hj. Mokhtar bin M Law	J	355	16 & 18, Jalan Marmar 2
34	Hj. Omar bin Musa	J	538	40, Jalan Marmar 2
35	En. Abdul Malek bin Ahmad	K	219	38, Jalan Marmar 3
36	Brig. Jen (B) Dato' Hj. Abdul Aziz bin Ahmad	K	395	22, Jalan Marmar 3
37	Hj. Ahmad Azahari bin Abd. Rahim	K	435	26, Jalan Marmar 3
38	Hjh. Bidah @ Zabaidah binti Hj. Othman	K	1119	8, Jalan Marmar 3
39	Pn. Masyani binti Lokman	L	565	41, Jln 9/7, Tmn Changkat Desa
40	En. Mohd Al-Hafez bin Ismail	L	1057	27, Jln 4/10, Tmn Koperasi Polis F1
41	Hjh. Absah binti Abas	M	94	22, Jalan Ubin
42	Hj. Kamaruddin bin Hj. Kamarul Zaman	M	174	19, Jalan Ubin
44	Dato' Hj. Saadon bin Hj. Othman	M	458	36, Jalan Ubin
45	En. Saifunnasr bin Zulkifli	M	1042	25, Jalan Ubin